

Utusan Malaysia 06 June 2018



Oleh NABILA YASMIN RAZIB

■ KUALA LUMPUR 5 JUN

ALAYSIA mampu menguasai sehingga 70 peratus pasaran terbitan sukuk global yang dianggarkan bernilai antara A\$\$45 bilion hingga A\$\$50 bilion (RMI'8.6 bilion hingga RMI)8.6 bilion hingga RMI)8.6 bilion hingga RMI)8.6 bilion hingga lami sebalah sukuk bidak pasaran infrastruktur yang dibiayai oleh terbitan sukuk tidak dibatalkan.
Ketua Pegawai Eksekutif Kum-

dibatalkan.
Ketua Pegawai Eksekutif Kum-pulan Perbankan Islam CIMB Group, Rafe Haneef berkata, me-mega telah diumumkan pem-batalannya oleh kerajaan Paka-tan Harapan, pengusaan sukuk global Malaysia diunjur berada nada kadar 50 peratus

pada kadar 50 peratus. Namun begitu ujarnya, Malay-sia masih mampu mengekalkan momentum pertumbuhan pasa-



RAFE HANEEF (dua dari kiri) bersalaman dengan Raymond Lew sambil disaksikan Gary Yong (kiri) dan Fikri Mohamad Rawi dalam majlis Pelancaran Takaful Mulla di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHAIFUDIN MOHD NOR malam. - UTUSAN/SHAIFUDIN MOHD NOR

ran sukuk global. "Tahun lalu menyaksikan Ma-laysia menguasai lebih 50 peratus daripada saiz pasaran terbitan sukuk global hasil daripada be-

berapa projek infrastruktur yang dibiayai oleh sukuk. "Tahun ini saya fikir momen-tum itu akan diteruskan biarpun terdapat beberapa projek yang di-

tangguh dan dibatalkan tetapi sudah tentu sesuatu pembangunan infrastruktur akan tetap diteruskan apabila keadaan kembali stabil," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Pelancaran Takaful Mulia di sini hari ini.
Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Takaful, Muhammad Fikri Mohamad Rawi; Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Sun Life Malaysia, Raymond Lew dan Ketua Serantau Pengurusan Kekayaan Cimb Bank Bhd, Gary Yong.
Tambah Rafe, beliau turut positif Malaysia mampu mengekalkan 50 peratus penguasaan pasaran sukuk giobal untuk tahun 2018.
"Jika projek-projek mega ituditanlekan Malaysia mampu mega

hun 2018.
"Jika projek-projek mega ituditeruskan Malaysia mampumencapai sehingga 60 hingga
70 peratus penguasaan pasaransukuk global," katanya.
Sementara itu dalam majlis
yang sama CIMB Islamic Bank

Bhd. (CIMB Islamic), mengunjurkan pendapatan premium melebihi RM10 juta bagi tahun 2018 daripada produk Takaful Mulia yang dilancarkan hari ini.
Yong berkata, sejak polisi baharu itu di perkenalkan pada majlis prapelancarannya tahun lalu, CIMB Islamic telah merekodkan premium bernilai RM3 juta sehingga 31 Disember 2017.
"Kami yakin dapat mencapai sasaran premium 2018 bersandarkan kepada manfaat perlindungan dan ciri-ciri baharu produk yang ditawarkan," katanya.

ngan dan ciri-ciri baharu produk yang ditawarkan," katanya.
Takaful Mulia merupakan polisi takaful pertama di pasaran yang direka khas untuk pelangan muslim.
Selain menawarkan manfaat perlindungan untuk kematian atau kehilangan upaya kekal, Takaful Mulia turut menawarkan simpanan dan manfaat berkaitan Islam seperti zakat, wakaf, fidyah, sedekah serta haji dan umrah.